

Sidang Dewan Rakyat

# Tanah Rizab Melayu di KL, Kedah, Perak berkurangan

Negeri diminta ganti kawasan sama jenis, luas dengan tanah simpanan dibatal

**Kuala Lumpur:** Semua negeri di Semenanjung mencatat peningkatan keluasan kawasan pewartaan Tanah Rizab Melayu di antara 2021 dan 2022 kecuali Kedah, Kuala Lumpur dan Perak.

Kedah mencatatkan penurunan daripada 721,888.93 hektar kepada 716,537.28 hektar, Kuala

Lumpur (1,003.56 hektar kepada 999.48 hektar) dan Perak, 953,042.67 hektar kepada 953,040.87 hektar.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata keluasan pewartaan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung meningkat sebanyak 0.67 peratus sepanjang tahun lalu.

Sehingga Disember tahun lalu, katanya, keluasan pewartaan Tanah Rizab Melayu adalah 4,966,406.42 hektar berbanding 4,963,190.8 hektar pada tahun 2021.



Nik Nazmi Nik Ahmad

## Pastikan keluasan tanah tak kurang

Katanya, selaras Perkara 89 Perlumbagaan Persekutuan yang melindungi Tanah Simpanan Melayu, keluasannya perlu dipastikan tidak berkurangan apabila berlaku pembatalan.

“Pihak berkuasa negeri hendaklah menggantikan keluasan kawasan dibatal-kan dengan tanah lain yang sama jenis dan luasnya sebagai Tanah Simpanan Melayu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Dr Ismail Abd Mutalib (BN-Maran) berhubung jumlah

keluasan asal Tanah Rizab Melayu mengikut negeri di Semenanjung.

Nik Nazmi berkata, pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri adalah ganti sama luas atau dilihat daripada nilai strategik bagi penggantian Tanah Rizab Melayu.

Menjawab soalan tambahan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) sama ada kerajaan bercadang memperkasakan undang-undang untuk melindungi Tanah Rizab Melayu pada masa akan datang, beliau berkata, perkara itu akan dikaji di peringkat kerajaan.

“Kerajaan akan melihat mekanisme terbaik untuk memastikan Tanah Rizab Melayu di Kuala Lumpur dapat dipertahankan,” katanya.